

07/11/1997

Kit Siang diberi amaran gantung hadir di sidang

KETUA pembangkang, Lim Kit Siang, diberi amaran digantung daripada menghadiri Dewan Rakyat berikutan kekecohan yang ditimbulkannya ketika Timbalan Speaker, Ong Tee Kiat, menamatkan tempoh perhujahannya sewaktu membahaskan Belanjawan 1998.

Ong ketika mengarahkan Lim daripada tidak meneruskan hujahnya menyifatkan tindakan wakil rakyat DAP dari Tanjong yang menimbulkan kekecohan itu sebagai 'memalukan'.

Terdahulu, Lim mendakwa masa penggulungan hujah 10 minit yang diperuntukkan untuknya belum tamat dan meminta Ong supaya membenarkannya meneruskan perbahasan itu yang kini berada pada peringkat jawatankuasa.

Ong menghalang Lim daripada membaca apa yang disifatkannya sebagai periystiharan 30 Perkara Sungai Bakap.

Beliau menyifatkan tindakan Timbalan Speaker menahannya daripada meneruskan hujah itu sebagai tidak demokrasi serta menghalang haknya sebagai wakil rakyat.

Sambil memujuk Ong supaya membenarkannya meneruskan perbahasan, Lim berkata, beliau memerlukan hanya sedikit masa lagi bagi membolehkannya membaca pula petikan daripada ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, pada ketika ini, Ong menjawab beliau tidak boleh membenarkan Lim meneruskan perbahasan tanpa mengira petikan siapa yang akan dibacakan kerana masa untuknya berhujah sudah tamat.

Sidang Dewan bersambung Isnin ini.

(END)